

Sukarelawan bergotong-royong di pantai Taman Negara Johor Tanjung Piai

200 bersihkan tumpahan minyak

PONTIAN 1 Julai - Kira-kira 200 sukarelawan menyertai aktiviti gotong-royong membersihkan tumpahan minyak yang berlaku di pesisiran pantai di Taman Negara Johor Tanjung Piai (TNJTP) di sini kelmarin.

Mereka merupakan pasukan khas ditubuhkan oleh Pejabat Daerah Pontian bagi membersihkan tumpahan minyak yang mencemari dan merosakkan ekosistem dan habitat di taman negara berkenaan.

Pegawai Daerah Pontian, Muji Salimon berkata, antara agensi yang terlibat ialah Pejabat Daerah Pontian, Pejabat Tanah, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), polis, pasukan anggota bomba dan penyelamat Pontian, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), Jabatan Kerja Raya (JKR), Majlis Daerah Pontian (MDP), Pejabat Kesihatan Pontian, Persatuan Nelayan,

Penduduk Kampung Air Masin dan Pejabat Taman Negara Tanjung Piai.

"Kita difahamkan kira-kira 300 nelayan pesisir pantai terjejas pendapatan kerana tidak dapat turun ke laut manakala TNJTP terpaksa ditutup kepada para pengunjung," katanya selepas bersama-sama menyertai program gotong-royong.

Turut hadir Yang Dipertua MDP, Miswan Yunos; Pentadbir Tanah Daerah Pontian, A. Rahman Salleh dan Ketua Penolong Pegawai Daerah Pontian, Zaid Abd. Rahman.

Dalam kejadian Selasa lalu, tompokan minyak hitam mula dikesan memasuki kawasan bakau di TNJTP pukul 2 petang dan semakin bertambah pada 4.30 petang.

Tumpahan minyak tersebut menyebabkan pokok bakau di sepanjang 600 meter pesisiran pantai taman negara berkenaan tercemar.

Muji berharap TNJTP dapat dibuka kepada orang ramai secepat mungkin memandangkan taman tersebut merupakan salah satu destinasi pelancongan utama di daerah ini.

"Pentadbiran daerah melahirkan kebimbangan dengan kejadian tersebut yang turut sama menjejaskan Taman Negara Pulau Kukup yang berhampiran serta aktiviti ekonomi penduduk tempatan," katanya.

Beliau berkata, kejadian tumpahan minyak seperti itu merupakan kali kedua berlaku pada tahun ini dengan yang pertama pada Februari lalu dan turut memberikan kesan kepada pelbagai pihak.

"Kami berharap satu pelan tindakan dapat dirangka bagi menghalang berlakunya kejadian seumpama ini pada masa depan yang jelas telah mengecewakan banyak pihak," katanya.



SUKARELAWAN membersihkan tompokan minyak di Taman Negara Johor, Tanjung Piai, Pontian, baru-baru ini.